



## **PERBADANAN ASET KERETAPI SEDIA BERUNDING ISU PENDUDUK SETINGGAN KAMPUNG MANIS**

Kenyataan akhbar ini dikeluarkan rentetan sidang media yang dibuat oleh Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang 2, YB. Prof. Dr. P. Ramasamy pada 16 Disember 2020 berkenaan bantahan notis pengosongan tapak kepada penduduk setinggalan Kampung Manis, Seberang Perai, Pulau Pinang. Notis bantahan tersebut telah dikeluarkan oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) pada 15 Disember 2020 selepas lawatan tapak diadakan bersama dengan wakil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai serta beberapa wakil agensi kerajaan negeri pada 24 Ogos 2020.

Sebagai makluman, Kampung Manis terletak di atas tanah hak milik RAC di Lot 286 seluas 16.4379 hektar, Lot 65 (0.23 hektar) dan Lot 67 (0.25 hektar). RAC selaku pemilik telah melaksanakan tanggungjawab untuk membayar cukai tanah berjumlah RM221,396,00.00 setahun bagi ketiga-tiga lot tersebut sejak 2016. Hasil banciaan yang dibuat oleh RAC pada 2015, sejumlah 281 buah rumah, tujuh (7) struktur komersial dan dua (2) rumah ibadat dan dua (2) lagi lain-lain struktur telah dikenalpasti menduduki ketiga-tiga lot berkenaan.

Sehubungan itu, bagi meredakan situasi tegang yang sedang berlaku pada ketika ini, RAC ingin memaklumkan bahawa pintu rundingan sentiasa terbuka kepada pihak-pihak yang terbabit bagi mencari penyelesaian secara muafakat.

Demi kesejahteraan rakyat dan ketenteraman awam, RAC telah menarik balik notis tersebut buat sementara waktu sehingga notis baru dikeluarkan selepas satu perbincangan di antara Ahli Parlimen Batu Kawan, YB. Kasturi Patto bersama Pengurus Besar RAC, YBrs. Encik Adam Abu Hanipah pada 16 Disember 2020 di pejabat RAC.

**PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)**

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhr IRC | IOI Resort City  
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia  
Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets  
WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)

Buat masa ini, penduduk setinggan di Kampung Manis tidak perlu bimbang mengenai arahan untuk mengosongkan tapak dalam tempoh enam (6) bulan sebagaimana yang dimaklumkan dalam notis tersebut sehingga notis baru dikeluarkan setelah pihak-pihak yang terbabit mengadakan rundingan dengan pihak RAC. Serahan notis berkenaan merupakan notis secara pentadbiran oleh pihak RAC bagi memaklumkan kepada penduduk bahawa tapak yang diduduki adalah tanah hak milik Perbadanan ini dan bukannya hak milik individu. Tindakan pengosongan tapak masih lagi tertakluk di bawah peruntukan Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965.

Sebagai sebuah agensi kerajaan, RAC amat prihatin mengenai kekusaran penduduk setinggan Kampung Manis susulan pengeluaran notis tersebut dan dalam pada masa yang sama, turut terkesan dengan keadaan semasa ekoran penularan pandemik Covid-19. Adalah diharapkan dengan tindakan yang diambil ini dapat meredakan kebimbangan penduduk dan seterusnya isu ini dapat diselesaikan dengan cara yang harmoni oleh pihak-pihak yang terlibat.

## **PERBADANAN ASET KERETAPI**

**18 DISEMBER 2020**

**- TAMAT -**

---

### **Tentang RAC:**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta berkenaan, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

**Pertanyaan Media**  
**Perbadanan Aset Keretapi**  
**Unit Hal Ehwal Korporat**

Pegawai Perhubungan Awam : Puan Ane Salfarizan Mispani  
Telefon : 03 – 8939 0200 (1041)  
E-mel : [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

**PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)**

Tingkat 16 | IOI City Tower 2 | Lebuhraya IRC | IOI Resort City  
62502 Putrajaya Sepang | Selangor Darul Ehsan | Malaysia  
Tel : 03 - 8939 0200 | Faks : 03 - 8939 0222

Facebook : Railway Assets Corporation | Twitter : RailwayAssetsMY | Instagram : myrailwayassets  
WhatsApp : Respon@RAC 019-200 8533 | Laman Web: [www.rac.gov.my](http://www.rac.gov.my)